



KENANGAN... Pelajar UiTM Mukah dan UPMKB merakamkan kenangan bersama semasa lawatan ke JSHP UPMKB, baru-baru ini.

24 pelajar UiTM Mukah lawat JSHP UPMKB

BINTULU: Seramai 24 pelajar Diploma Teknologi Akuakultur dan Diploma Akuakultur dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Mukah mengadakan lawatan ke Jabatan Sains Haiwan dan Perikanan (JSHP), Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di sini, baru-baru ini.

Menurut kenyataan JSHP UPMKB, lawatan itu bertujuan memberi pendedahan kepada

pelajar dalam analisis kajian kes pengurusan kesihatan ikan menggunakan kaedah saintifik.

Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran praktikal pelajar dalam sektor akuakultur.

“Semoga pengalaman ini memberi inspirasi dan semangat kepada pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam sektor akuakultur,” kata kenyataan itu.